



27 Oktober 2020  
27 October 2020  
P.U. (A) 309

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KEBAJIKAN HAIWAN  
(PENGKOMPANAN KESALAHAN) 2020

*ANIMAL WELFARE (COMPOUNDING OF OFFENCES)  
REGULATIONS 2020*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015

PERATURAN-PERATURAN KEBAJIKAN HAIWAN  
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 62(2)(k) Akta Kebajikan Haiwan 2015 [*Akta 772*], Menteri selepas berunding dengan Lembaga, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kebajikan Haiwan (Pengkompunan Kesalahan) 2020**.

**Kesalahan yang boleh dikompun**

2. (1) Kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompun.

(2) Kesalahan yang disebut dalam subperaturan (1) boleh dikompun dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya dalam Borang 1 Jadual Kedua.

**Tatacara mengkompun**

3. (1) Apabila menerima apa-apa maklumat atau aduan bahawa suatu kesalahan yang boleh dikompun telah dilakukan, Lembaga boleh mengeluarkan tawaran untuk mengkompun kesalahan itu dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(2) Suatu tawaran untuk mengkompun kesalahan adalah bagi tempoh tiga puluh hari atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diberikan oleh Lembaga atau mana-mana pegawai kebajikan haiwan yang telah diwakilkan kuasa oleh Lembaga itu secara bertulis, dan jika pembayaran penuh bagi jumlah yang ditawarkan itu dibuat pada atau sebelum habis tempoh tiga puluh hari atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan itu, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang yang telah melakukan kesalahan itu.

**Penyetujuterimaan kompaun**

4. Seseorang yang menyetuju terima suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah menyetuju terima tawaran itu dalam Borang 3 Jadual Kedua dan mengembalikan Borang 3 itu kepada Lembaga.

**Pembayaran kompaun**

5. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan disetuju terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia hendaklah membayar kompaun itu—

(a) secara kiriman wang, cek jurubank atau draf bank dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar; atau

(b) melalui pemindahan wang secara elektronik.

(2) Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi untuk tiap-tiap pembayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu telah dibuat.

**Pendakwaan boleh dimulakan jika tiada pembayaran dibuat**

6. Jika tiada pembayaran bagi kompaun yang ditawarkan itu dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan 3(2), pendakwaan boleh dimulakan tanpa notis selanjutnya.

JADUAL PERTAMA  
[Subperaturan 2(1)]

KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN

Kesalahan di bawah peruntukan Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang berikut ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun:

subseksyen 17(2)

subseksyen 20(3)

subseksyen 24(3)

subseksyen 26(6)

subseksyen 27(3)

seksyen 28

JADUAL KEDUA  
[Subperaturan 2(2) dan 3(1), dan peraturan 4]

BORANG 1  
[Subperaturan 2(2)]

AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015

PERATURAN-PERATURAN KEBAJIKAN HAIWAN  
(PENGKOMPANAN KESALAHAN) 2020

**KEIZINAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 60(1) Akta Kebajikan Haiwan 2015 [*Akta 772*] dan subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], saya .....(*nama*)..... dengan ini memberikan keizinan untuk mengkompaun .....(*nama orang yang kepadanya tawaran kompaun itu dibuat*) ..... bagi kesalahan yang dilakukan di bawah ..... yang dikatakan telah dilakukan pada ..... (*tarikh*) ..... di ..... (*tempat*) .....

Tarikh:

.....  
Pendakwa Raya/  
Timbalan Pendakwa Raya

BORANG 2  
[Subperaturan 3(1)]

AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015

PERATURAN-PERATURAN KEBAJIKAN HAIWAN  
(PENGKOMPANAN KESALAHAN) 2020

**TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN**

No. rujukan : .....

Tarikh : .....

Lembaga Kebajikan Haiwan

.....  
.....  
.....

Kepada:

.....  
.....  
.....

\*Tuan/Puan,

Suatu penyiasatan telah dijalankan terhadap anda .....

.....

(nyatakan nama \*syarikat/perniagaan/badan lain, jika ada)

dan anda didapati telah melakukan kesalahan di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015

[Akta 772] dengan butir-butir yang berikut:

(a) peruntukan Akta yang berkaitan : .....

(b) tarikh : .....

(c) masa : .....

(d) tempat : .....

(e) butir-butir kesalahan : .....

2. Menurut subseksyen 60(1) Akta Kebajikan Haiwan 2015, dengan keizinan bertulis daripada Pendakwa Raya, anda ditawarkan suatu kompaun bagi kesalahan yang dinyatakan di atas bagi jumlah wang sebanyak RM .....  
(.....ringgit sahaja).

3. Sekiranya tawaran kompaun ini diterima, bayaran hendaklah dibuat—

(a) secara kiriman wang/cek jurubank/draf bank dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan dihantar secara serahan tangan atau secara pos berdaftar prabayar ke alamat berikut:

.....  
..... ; atau

(b) melalui pemindahan wang secara elektronik ke akaun yang berikut:

.....

4. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila pembayaran kompaun itu diterima.

5. Tawaran untuk mengkompaun ini sah sehingga .....

6. Sekiranya tiada bayaran diterima dalam tempoh yang disebut dalam perenggan 5, pendakwaan bagi kesalahan yang disebut dalam perenggan 1 boleh dimulakan terhadap anda tanpa notis selanjutnya.

.....  
Untuk dan bagi pihak Pengerusi  
Lembaga Kebajikan Haiwan  
Nama:  
Jawatan:  
Cap rasmi:

---

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan

BORANG 3  
[Peraturan 4]

AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015

PERATURAN-PERATURAN KEBAJIKAN HAIWAN  
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2020

**PENYETUJUTERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN**

Kepada:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar

.....  
.....  
.....

\*Tuan/Puan,

Saya merujuk kepada borang Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dengan nombor rujukan ..... bertarikh .....

2. Saya menerima tawaran kompaun itu dan disertakan pembayaran secara \*kiriman wang/cek jurubank/draf bank dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar atau melalui pemindahan wang secara elektronik sebanyak RM..... (..... ringgit sahaja) sebagai penyelesaian penuh bagi jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 2 borang Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan.

Tandatangan : .....

Nama (*huruf besar*) : .....

\*No. Kad Pengenalan/No. Pasport : .....

Nama Jawatan (*jika berkenaan*) : .....

Untuk dan bagi pihak : .....  
(*jika berkenaan*) (*nama \*syarikat/perniagaan/badan lain*)

\*No. pendaftaran syarikat/no. lesen/: .....

no. permit (*jika berkenaan*)

Cop rasmi \*syarikat/perniagaan/ : .....

badan lain (*jika berkenaan*)

Alamat : .....

.....

Tarikh : .....

---

*\*Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

Dibuat 23 September 2020

[KP/LA/483/22; PN(PU2)746]

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
*Menteri Pertanian dan Industri Makanan*

ANIMAL WELFARE ACT 2015

ANIMAL WELFARE (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by paragraph 62(2)(k) of the Animal Welfare Act 2015 [Act 772], the Minister after consulting the Board, makes the following regulations:

**Citation**

1. These regulations may be cited as the **Animal Welfare (Compounding of Offences) Regulations 2020**.

**Offences which may be compounded**

2. (1) The offences specified in the First Schedule are prescribed as offences which may be compounded.

(2) The offences referred to in subregulation (1) may be compounded with the consent in writing of the Public Prosecutor in Form 1 of the Second Schedule.

**Procedure for compounding**

3. (1) Upon receipt of any information or complaint that an offence which may be compounded has been committed, the Board may issue an offer to compound the offence in Form 2 of the Second Schedule.

(2) An offer to compound an offence is for a period of thirty days or such extended time as the Board or any animal welfare officer that the Board has delegated such power in writing may grant, and if full payment of the sum offered is made on or before the expiry of thirty days or such extended time granted, no further proceedings shall be taken against the person who committed such offence.

**Acceptance of compound**

4. A person who accepts an offer to compound an offence which may be compounded shall accept the offer in Form 3 of the Second Schedule and return Form 3 to the Board.

**Payment of compound**

5. (1) If an offer to compound an offence is accepted by the person to whom the offer is made, he shall pay the compound—

(a) by money order, banker's cheque or bank draft crossed with the words "Account Payee Only" made payable to the Director General of Veterinary Services; or

(b) through an electronic fund transfer.

(2) The Director General of Veterinary Services shall issue an official receipt for every payment received under subregulation (1) to the person to whom the offer to compound is made.

**Prosecution may be instituted if no payment made**

6. If no payment of the compound offered is made within the period specified in subregulation 3(2), prosecution may be instituted without further notice.

FIRST SCHEDULE  
[Subregulation 2(1)]

OFFENCES WHICH MAY BE COMPOUNDED

The offences under the following provisions of the Animal Welfare Act 2015 are prescribed to be offences which may be compounded:

subsection 17(2)

subsection 20(3)

subsection 24(3)

subsection 26(6)

subsection 27(3)

section 28

SECOND SCHEDULE  
[Subregulations 2(2) and 3(1), and regulation 4]

FORM 1  
[Subregulation 2(2)]

ANIMAL WELFARE ACT 2015

ANIMAL WELFARE (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2020

**CONSENT TO COMPOUND OFFENCES**

IN exercise of the powers conferred by subsection 60(1) of the Animal Welfare Act 2015 [Act 772] and subsection 376(3) of the Criminal Procedure Code [Act 593], I .....(*name*)..... give consent to compound .....(*name of the person to whom the offer to compound is made*) ..... for the offence/offences committed under ..... which is /are said to have been committed on ..... (*date*) ..... at ..... (*place*) .....

Date:

.....  
Public Prosecutor/  
Deputy Public Prosecutor

FORM 2  
[Subregulation 3(1)]

ANIMAL WELFARE ACT 2015

ANIMAL WELFARE (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2020

**OFFER TO COMPOUND OFFENCES**

Reference no. : .....

Date : .....

Animal Welfare Board

.....  
.....  
.....

To:

.....  
.....  
.....

\*Sir/Madam,

An investigation has been conducted against you .....

.....

*(state name of \*company/business/other body, if any)*

and you are found to have committed the offence under the Animal Welfare Act 2015

[Act 772] with the following particulars:

- (a) relevant provision of the Act : .....
- (b) date : .....
- (c) time : .....
- (d) place : .....
- (e) particulars of offence : .....

2. Pursuant to subsection 60(1) of Animal Welfare Act 2015, with the written consent of the Public Prosecutor, you are offered a compound for the offence/offences stated above for the sum of RM ..... (..... ringgit only).

3. If the offer to compound is accepted, the payment shall be made—

(a) by money order/banker’s cheque/bank draft crossed with the words “Account Payee Only” made payable to the Director General of Veterinary Services and sent by hand or by prepaid registered post to the following address:

.....  
.....; or

(b) through an electronic fund transfer to the following account:

.....

4. An official receipt shall be issued on receipt of the payment of the compound.

5. This offer to compound shall be valid until .....

6. If no payment is received within the period referred to in paragraph 5, the prosecution for the offence referred to in paragraph 1 may be instituted against you without further notice.

.....  
For and on behalf of Chairman  
of the Animal Welfare Board  
Name:  
Designation:  
Official stamp:

---

\* Delete whichever is inapplicable

FORM 3  
[Regulation 4]

ANIMAL WELFARE ACT 2015

ANIMAL WELFARE (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2020

**ACCEPTANCE OF OFFER TO COMPOUND OFFENCES**

To:

Director General of Veterinary Services

.....  
.....  
.....

\*Sir/Madam,

I refer to the Offer to Compound Offences form bearing the reference number ..... dated .....

2. I accept the offer to compound and enclose is the payment by \*money order/banker's cheque/bank draft crossed with the words "Account Payee Only" made payable to the Director General of Veterinary Services or through an electronic fund transfer for the sum of RM ..... (..... ringgit only) as full settlement of the sum stipulated in paragraph 2 of the Offer to Compound Offences form.

Signature : .....  
Name (*in capital letter*) : .....  
\*Identification Card Number/ : .....  
Passport No.  
Designation (*if applicable*) : .....  
For and on behalf (*if applicable*) : .....  
*(name \*company/business/other body)*

\*Company registration no./ : .....  
licence no./permit no. (*if applicable*)  
Official stamp of \*company/ : .....  
business/other body (*if applicable*)  
Address : .....  
Date : .....

---

*\* Delete whichever is inapplicable*

Made 23 September 2020  
[KP/LA/483/22; PN(PU2)746]

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
*Minister of Agriculture and Food Industries*